

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN MENCETAK TEKS AL-QUR'AN
DI BAWAH AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986
LEMBAGA PENGAWALAN DAN PELESENAN PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN
(LPPPQ)

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

www.moha.gov.my

1. LESEN MENCETAK/ MENERBITKAN AL-QUR'AN

Berdasarkan Peruntukan di bawah Seksyen 5 (1) Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (APTQ) 1986, seseorang yang ingin mencetak/menerbit teks Al-Qur'an hendaklah memohon Lesen Mencetak/Menerbit Teks Al-Qur'an dari Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an, Kementerian Dalam Negeri.

Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan berdasarkan peruntukan dibawah seksyen 5 (6) APTQ 1986 iaitu seseorang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Syarikat yang berdaftar (SSM/SKM)
- ii. Syarikat mestilah memiliki Lesen Mesin Cetak di bawah AMCP 1984
- iii. Syarikat Milik Orang Islam
- iv. Mempunyai Setiausaha Syarikat beragama Islam
- v. Mempunyai Pekerja di Bahagian Pencetakan Al-Qur'an sepenuhnya beragama Islam
- vi. Mempunyai tempat Pelupusan Al-Qur'an (Dalaman/Khidmat Luar)
- vii. Mempunyai 2 orang Panel Perunding (Pakar) - sekurang-kurangnya berkelulusan Diploma Tahfiz Al-Qur'an.
- viii. Mempunyai Keupayaan Mesin Pencetakan dan Penjilidan
- ix. Premis/Kilang Pencetakan Suci dan Bersih

3. PROSEDUR PERMOHONAN MENCETAK AL-QUR'AN

- i. Mengisi permohonan dalam Sistem Pengurusan Teks Al-Quran (UPQ)
- ii. Menyertakan salinan dokumen seperti berikut:
 - a) Lesen Mesin Cetak di bawah AMCP 1984
 - b) Butiran Perunding berserta Sijil dan Surat Pelantikan
 - c) Sijil Pendaftaran Syarikat / Perniagaan Terkini - Borang 9, 24 & 49 atau Borang B & D (Disahkan dan dicetak oleh SSM dalam tahun semasa)
 - d) Senarai Nama Pekerja (Penyata KWSP) – 3 bulan terkini
 - e) Surat Pelantikan Syarikat Pelupusan Al-Qur'an (jika menggunakan khidmat luar)
- iii. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:
Seksyen Regulatori Al-Quran dan Hadith,
Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan,
Aras 5, Blok D1, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62546 Wilayah Persekutuan Putrajaya
(No.Telefon:03-8886 8573 / 8253)

4. PERATURAN BAGI PREMIS/KILANG PENCETAKAN

- i. Memastikan kebersihan dan kesucian kawasan premis/kilang.
- ii. Pihak pentadbiran dan operasi mestilah berpengetahuan dalam pengendalian bahan-bahan Al-Qur'an.
- iii. Memastikan pematuhan Garis Panduan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (APTQ) 1986 bagi memastikan pematuhan peraturan pembuatan, pengendalian, penjualan dan pelupusan ayat Al-Qur'an.
- iv. Mempunyai prosedur kerja dan carta alir proses pencetakan dan pelupusan Al-Qur'an.

5. FI/ BAYARAN YANG DIKENAKAN

- i. Bayaran sebanyak **RM 300.00** bagi setiap permohonan yang telah diberi kelulusan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Qur'an (LPPPQ).
- ii. Bayaran hendaklah dalam bentuk **wang pos atau bank draf** atas nama "**Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri**".

6. KEPUTUSAN PERMOHONAN LESEN MENCETAK AL-QUR'AN

Keputusan Permohonan Lesen Mencetak Al-Qur'an akan diberikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Mesyuarat Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Qur'an (LPPPQ).

7. TEMPOH SAH LAKU LESEN MENCETAK AL-QUR'AN

Sahlaku Lesen adalah berterusan sehinggalah dibatalkan.

8. SYARAT-SYARAT LESEN MENCETAK AL-QUR'AN (BORANG B)

1. Lesen hendaklah dipamerkan ditempat mudah dilihat di premis pada alamat yang tertera pada lesen.
2. Alamat di mana teks dan Bahan Al-Qur'an dicetak tidak boleh ditukar melainkan dengan kebenaran Lembaga. Perpindahan atau pertukaran alamat hendaklah dimaklumkan dan lesen baru akan dikeluarkan.
3. Pemegang Lesen hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas teks dan bahan Al-Qur'an yang dicetak;
4. Lesen tidak boleh dengan apa-apa cara dipindahkan, diserahkan atau selainnya diletakkan dibawah mana-mana orang lain dari pemegang lesen tanpa kebenaran Lembaga.
5. (i) Bagi Pemegang Lesen adalah suatu pengkongsian, mana-mana pekongsi tidak boleh ditukar tanpa persetujuan Lembaga.
(ii) Bagi pemegang Lesen adalah suatu pengkongsian, mana-mana pengarah tidak boleh ditukar tanpa persetujuan Lembaga.

6. Pemegang Lesen dikehendaki untuk mematuhi dan tidak melanggar apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.
7. Syarat-syarat lesen boleh dipinda pada bila-bila masa melalui pemberitahuan secara bertulis oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Qur'an kepada pemegang lesen.
8. Pegawai Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Qur'an berhak melawat pencetak di mana lesen perlu dikeluarkan dan berhak mengambil helaian atau cebisan Al-Qur'an yang difikirkan perlu.

9. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN

- i. Pemegang lesen hendaklah memastikan pematuhan terhadap peruntukan di bawah Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986, Peraturan-peraturan Percetakan Teks Al-Qur'an 1986 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan yang ditetapkan dari semasa ke semasa;
- ii. Pemegang lesen hendaklah memastikan semua teks Al-Qur'an yang akan dicetak telah dikemukakan untuk semakan dan mendapat Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Qur'an dari Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Qur'an.
- iii. Pemegang lesen hendaklah memastikan proses kerja berkaitan dengan pencetakan, pengedaran dan penjualan teks/bahan Al-Qur'an adalah dilakukan oleh mereka yang beragama Islam dan senantiasa menjaga adab dan kehormatan ayat-ayat Al-Qur'an sepanjang masa.
- IV. Setiap kilang Al-Quran yang telah mendapat kelulusan untuk mencetak teks/bahan Al-Quran tetapi tidak beroperasi selama dalam tempoh lebih 2 tahun, secara automatik akan terbatal.